

# 984 kes denggi di Subang Jaya

Sinar Harian 01/07/2010  
M/S 56

**SUBANG JAYA** – Sebanyak 984 kes demam denggi dilaporkan dengan 594 daripadanya disahkan positif sehingga minggu ke-25 lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Adnan Md Ikshan ketika memperkerusi Mesyuarat Penuh MPSJ semalam berkata, jumlah berkenaan menunjukkan sedikit penurunan berbanding jumlah 1,224 kes laporan dan 571 kes positif dalam tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, meskipun begitu, usaha dan kempen kesedaran berhubung demam denggi diteruskan pihaknya termasuk beberapa kerjasama yang bakal dilakukan.

“MPSJ akan bekerjasama dengan Hospital Columbia Asia untuk memberi kesedaran kepada murid sekolah rendah di sekitar Puchong berhubung demam denggi.

“Pada peringkat awal, 10 sekolah di kawasan wabak akan dipilih menyertai program itu,” katanya.

Beliau berkata, pihak sekolah akan diminta memilih murid tahun 4 dan 5 untuk dilantik sebagai ‘Triple A Agent’ (Anti Aedes Ejen) dan mereka yang terpilih akan diberikan



■ Kerja pengewasapan adalah percuma disediakan MPSJ. (Gambar hiasan)

penerangan mengenai bahaya denggi, cara mencari dan memusnahkan tempat pembiakan denggi di kawasan rumah masing-masing.

“Tempoh program adalah selama tiga bulan dan selain sesi penerangan, pemeriksaan ke rumah murid terbabit akan dibuat secara rambang oleh Jabatan Kesihatan MPSJ,” katanya.

Dalam perkembangan lain,

Adnan menegaskan, tiada bayaran pengewasapan dikenakan kepada penduduk untuk aktiviti dijalankan pihaknya itu.

“Oleh itu sekiranya ada penduduk yang tidak berpuas hati atau dipaksa membuat bayaran oleh mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan, kami menyarankan mereka membuat laporan polis,” katanya.